



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 5 SEPTEMBER 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	HASIL IKAN RM6 BILION HILANG DICURI NELAYAN ASING, NEGARA, KOSMO -6 NEGARA HILANG RM6 BILION SETIAP TAHUN AKIBAT TANGKAPAN IKAN SECARA HARAM, UM -ONLINE M'SIA LOSES RM6B EACH YEAR TO ILLEGAL FISHING, NEWS, THE SUN -5 RM6 BIL LOST TO ILLEGAL FISHING EVERY YEAR, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A16	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5. 6.	SYOR TINGKAT KOMPAUN PEMILIK LEMBU DEGIL DIKAJI, SENTRAL, BH -80 JAWATANKUASA KHAS KAJI MASALAH LEMBU TERBIAR, SH -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
7. 8. 9. 10.	LUPUS 200 AYAM PADA SELASA, SETEMPAT, HM -26 KAWASAN KILANG DISAHKAN SELAMAT, SETEMPAT. HM -26 200 AYAM TERDEDAH PENCEMARAN DILUPUS, NASIONAL, BH -13 BERTANI TINGKAT PENDAPATAN PENDUDUK P. REDANG, HARAKAH DAILY -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Hasil ikan RM6 bilion hilang dicuri nelayan asing

KUALA LUMPUR - Malaysia kehilangan hasil sehingga RM6 bilion akibat penangkapan ikan secara haram setiap tahun, kata Pengarah Bahagian Perikanan Tangkapan dan Pelesenan di Jabatan Perikanan Malaysia, Wan Muhammad Aznan Abdullah.

Beliau berkata, meskipun langkah-langkah penguatkuasaan yang ketat di Indonesia, Malaysia dan Thailand, isu penangkapan ikan secara haram, tidak dilaporkan dan tidak terkawal (IUU) terus berleluasa memandangkan pulangan pelaburannya lumayan.

"Penyelidik daripada Southeast Asian Fisheries Development Center mendapati jumlah ikan negara sudah berada di tahap kritikal dan tindakan segera perlu diambil bagi mengelakkan produk ikan milik Malaysia dibawa keluar negara secara haram," kata beliau kepada *Bernama* di sini semalam.

Walaupun begitu, Wan Muhammad Aznan berkata, Jabatan Perikanan Malaysia telah bekerjasama dengan Maritim Malaysia, polis marin dan Tentera Laut Diraja Malaysia untuk membendung penangkapan ikan secara haram di perairan Malaysia.

Menurut Jabatan Perikanan Malaysia, negara kehilangan kira-kira 980,000 tan metrik hasil laut negara bernilai antara RM3 bilion hingga RM6 bilion setiap tahun.

Hanya 50 peratus ikan yang ditangkap dari perairan negara dibawa ke pasaran tempatan, manakala selebihnya tidak dapat dikesan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/9/2019	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Negara hilang RM6 bilion setiap tahun akibat tangkapan ikan secara haram



KUALA LUMPUR 3 Sept. - Malaysia kehilangan hasil sehingga RM6 bilion akibat penangkapan ikan secara haram setiap tahun, kata Pengarah Bahagian Perikanan Tangkapan dan Pelesenan di Jabatan Perikanan Malaysia, Wan Muhammad Aznan Abdullah. Beliau berkata, meskipun langkah-langkah penguatkuasaan yang ketat di Indonesia, Malaysia dan Thailand, isu penangkapan ikan secara haram, tidak dilaporkan dan tidak terkawal (IUU) terus berleluasa memandangkan pulangan pelaburannya lumayan dan juga kerana kawasan luas yang menyukarkan kepolisian jika tidak ada kerjasama dari negara anggota ASEAN.

"Penyelidik daripada Southeast Asian Fisheries Development Center (SEAFDEC) mendapati jumlah ikan negara sudah berada di tahap kritikal dan tindakan segera perlu diambil bagi mengelakkan produk ikan milik Malaysia dibawa keluar negara secara haram,"kata beliau kepada Bernama di sini hari ini.

Walaupun begitu, Wan Muhammad Aznan berkata, Jabatan Perikanan Malaysia telah bekerjasama dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), polis marin dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) untuk membendung penangkapan ikan secara haram di perairan Malaysia.

Beliau berkata, demikian semasa Mesyuarat Terminal Projek Japan Trust Fund 6 (JTF6): Memerangi Perikanan IUU di Asia Tenggara menerusi penggunaan pensijilan tangkapan untuk perdagangan antarabangsa perikanan dan produk ikan yang diadakan dari 3 hingga 5 Sept.

Menurut Jabatan Perikanan Malaysia, negara kehilangan kira-kira 980,000 tan metrik hasil laut negara, bernilai antara RM3 bilion hingga RM6 bilion, setiap tahun akibat aktiviti penangkapan ikan secara haram.

Hanya 50 peratus ikan yang ditangkap dari perairan negara dibawa ke pasaran tempatan manakala selebihnya tidak dapat dikesan.

Akibat kerugian ini, Akta Perikanan 1985 telah dipinda pada Julai tahun ini bertujuan antara lain untuk menaikkan penalti am untuk kesalahan tersebut.

Akta Perikanan meningkatkan penalti maksimum bagi pemilik atau kapten kapal asing yang didapati mencerooboh perairan Malaysia kepada RM6 juta, dari pada RM1 juta, dan penalti bagi setiap anak kapal dinaikkan dari RM100,000 hingga RM600,000.

Sementara itu dalam satu kenyataan, Jabatan Perikanan berkata, sehingga 26 juta tan ikan ditangkap secara haram setiap tahun di seluruh dunia, dianggarkan antara 10 hingga 20 peratus tangkapan global.

Pengarah SEAFDEC, Raja Bidin Raja Hassan ketika ditemui berkata beliau berharap mesyuarat tiga hari dengan 11 wakil ASEAN dapat memberi perkembangan positif untuk memperbaiki garis panduan untuk menangani penangkapan ikan haram yang telah dipersetujui sejak 2015.

"Jika ada kepincangan atau loophole, kami akan cuba perbaiki memandangkan garis panduan perlu dikaji semula setiap lima tahun. Sebarang cadangan baharu akan diambil kira," katanya.- BERNAMA

M'sia loses RM6b each year to illegal fishing

KUALA LUMPUR: Malaysia loses up to RM6 billion every year due to illegal fishing despite tough enforcement measures, Department of Fisheries (DOF) landing and licensing division director Wan Muhammad Aznan Abdullah said yesterday.

Unreported and unregulated fishing remains rampant as the return on investment is lucrative and policing the vast sea is extremely difficult without cooperation from Asean members.

"Researchers from the Southeast Asian Fisheries Development Center found that fish supplies in the country are at a critical level and immediate action needs to be taken to prevent the smuggling of Malaysian fish products out of the country," Wan Muhammad said.

The DOF is working with the Malaysian Maritime Enforcement Agency, marine police and Royal Malaysian Navy to curb illegal fishing in the country's waters.

According to the DOF, approximately 980,000 tonnes of seafood was lost each year as a result of illegal fishing activities.

Only 50% of fish caught from national waters makes its way to the local market while the rest are untraceable.

With that, the Fisheries Act 1985 was amended in July this year, increasing the penalty for offenses.

The maximum penalty for an owner or captain of a foreign vessel caught trespassing into Malaysian waters has increased from RM1 million to RM6 million, and the

penalty for every crew member, from RM100,000 to RM600,000.

Southeast Asian Fisheries Development Centre director Raja Bidin Raja Hassan said he hoped that the three-day Japan "Trust Fund 6 Project: Combating Unreported and Unregulated Fishing in Southeast Asia" meeting with 11 Asean representatives will be able to provide positive developments in improving guidelines against illegal fishing.

"If there are shortcomings or loopholes, we will try to address these in view of the fact that guidelines need to be reviewed every five years.

"Any new suggestion will be taken into consideration and this will be the way forward for the second phase of the project, with focus on feasibility next year," he said. - Bernama

Headline	RM6bil lost to illegal fishing every year		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	05 Sep 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A16	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	164 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,876
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,628



每年非法捕鱼损失60亿

吉隆坡3日讯 | 大马渔业局 (DOF) 登陆与许可部主任迈莫哈末阿兹南表示, 我国每年因非法捕鱼而损失高达60亿令吉。

迈莫哈末阿兹南今日接受《马新社》访问时表示, 尽管在大马、印尼和泰国已采取了严厉的执法措施, 但非法、不报告与不管制 (IUU) 捕捞问题仍然猖獗。

他指出, 由于投资回报获利丰厚, 以及如果没有东盟成员国的参与, 广大地区的治安问题更为困难。

万莫哈末阿兹南指出, 渔

业部已联手大马海事执法机构 (APMM), 海警与皇家海军, 以减少我国海域非法捕鱼活动。

他是在出席9月3日至5日举行的日本信托基金会6 (JTF6) 项目会议「东南亚非法, 不报告与不管制 (IUU) 捕捞问题, 通过鱼类和鱼制品国际贸易捕捞认证」时, 如是表示。

《1985年渔业法》于今年7月修订, 对于擅自或非法入境大马海域的船只持有人或船长, 最高罚款为100万令吉至600万令吉, 船上每名船员罚款为10万令吉至60万令吉。

©
M
K

Syor tingkat kompaun pemilik lembu degil dikaji

Kerajaan Negeri Sembilan tangani isu haiwan dibiarkan berkeliaran punca kemalangan

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
tuty@bh.com.my

Seremban: Kerajaan negeri mengkaji meningkatkan kompaun terhadap pemilik lembu yang membiarkan ternakan mereka berkeliaran dalam usaha mengurangkan kadar kemalangan jalan raya membolehkan

haiwan itu. Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun, berkata kompaun sedia ada sebanyak RM200 adalah terlalu rendah dan penternak tiada masalah untuk membayar kompaun.

Justeru, katanya, jawatankuasa khas dipengerusikan EXCO Jawatankuasa Kesejahteraan Bandar, Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kampung Baru negeri, Teo Kok Seong, ditubuhkan bagi mengkaji kadar kompaun itu.

Jawatankuasa itu turut dianggotai pegawai undang-undang, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Jabatan Veterinar.

"Jawatankuasa itu akan mengkaji mengenai peraturan, perundangan dan kompaun lebih sesuai

berkaitan kompaun RM200 dikenakan sekarang terlalu rendah.

"Jumlah kompaun sedia ada terlalu rendah dan pemilik tiada masalah untuk membayarnya tetapi kemalangan jalan raya, terutama kemalangan maut membolehkan ternakan terus meningkat.

"Kita bukan mahu menganiaya pemilik ternakan, tetapi mahu mereka lebih bertanggungjawab dan turut sama memastikan keselamatan pengguna jalan raya dengan mengelak berlaku kemalangan akibat ternakan berkelialan," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat EXCO, di Wisma Negeri, di sini, semalam.

Aminuddin berkata, ada beberapa kes kemalangan maut membolehkan ternakan termasuk di

Jempol dan Mantin, baru-baru ini.

Beliau berkata, lebih menyuarakan keadaan, ada kes yang pemilik enggan mengaku itu ternakan mereka, sekali gus menyebabkan sukar mengambil tindakan perundangan.

Justeru, katanya, jawatankuasa itu juga akan mengkaji cara mengesan pemilik ternakan supaya tindakan sewajarnya dapat diambil.

"Di Nilai, hasil inisiatif PBT, lembu yang berada di kawasan itu diletakkan tag supaya jika berlaku apa-apa membolehkan ternakan itu, kita tahu pemiliknya.

"Bagaimanapun, ini masih pada peringkat percubaan dan kita akan melihat keberkesanannya nanti," katanya.



Jawatankuasa itu akan

mengkaji mengenai peraturan, perundangan dan kompaun lebih sesuai berkaitan kompaun RM200 dikenakan sekarang terlalu rendah.

Aminuddin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/9/2019	SINAR HARIAN	ONLINE	

Jawatankuasa khas kaji masalah lembu terbiar



Aminuddin (tengah) pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di sini hari ini.

SEREMBAN – Kerajaan negeri akan menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk mengkaji masalah lembu terbiar yang menjadi ancaman kepada pengguna jalan raya.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, jawatankuasa itu akan dipengerusikan Exco Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Teo Kok Seong, pihak berkuasa tempatan (PBT), pegawai undang-undang dan jabatan veterinar.

Menurutnya, jawatankuasa itu akan mengkaji peraturan, perundangan dan jumlah kompaun bersesuaian untuk dikenakan kepada penternak yang membiarkan haiwan ternakan berkeliaran di kawasan tidak sepatutnya.

"Kita serius dalam perkara ini kerana sekarang kes kemalangan melibatkan haiwan ternakan meningkat sehingga ada yang kehilangan nyawa. Terbaru ada dua kes di kawasan Jempol.

"Isu ini menjadi masalah kepada PBT kerana bila penguatkuasaan dilaksanakan, kos bagi setiap operasi yang terpaksa ditanggung PBT lebih tinggi iaitu RM3,000 berbanding nilai kompaun RM200 dikenakan kepada pemilik," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Aminuddin berkata, jumlah kompaun RM200 ditetapkan ketika ini terlalu rendah dan mungkin dilihat tidak terlalu membebankan pemilik.

Menurutnya, tindakan itu diambil bagi memastikan penternak lebih bertanggungjawab sekaligus mengelak berlaku lagi kes kemalangan melibatkan haiwan ternakan.

"Dengan kadar RM200, mereka rasa boleh bayar bila-bila masa kerana kita tahu harga lembu cukup mahal sekurang-kurangnya RM4,500 seekor. Setakat bayar RM200, mereka mampu.

"Lagipun bukan mudah untuk anggota penguatkuasa mengangkut lembu-lembu ini ke dalam lori ketika operasi dan mereka juga berdepan risiko. Ini antara perkara yang kita harus ambil perhatian," katanya.

Sebagai percubaan, Aminuddin berkata, pihak PBT memasang akan 'tag' pada lembu ternakan di kawasan Nilai bagi memudahkan usaha mengesan pemiliknya.

Katanya, ini susulan terdapat pengusaha yang enggan mengaku haiwan ternakan milik mereka apabila berlaku sesuatu kejadian tidak diingini.



ANEGOTA Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta Jabatan Alam Sekitar memosoti kilang bayi melakukan pemeriksaan.

Lupus 200 ayam pada Selasa

Melaka: Kira-kira 200 ayam dibupuskan susulan insiden kebocoran gas ammonia dari sahran paip di kilang pemrosesan ayam, di Merlimau di sini, kelmarin.

Exco Pertanian, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Industri Asas Tani negeri, Norhizam Hassan Bakree berkata, kejadian itu menyebabkan ratusan ayam mati akibat terhidu gas ketika kejadian.

"Saya difahamkan pemilik kilang, kira-kira 200 ayam terkesan akibat insiden itu, jadi ia sudah dibupuskan semalam (Selasa).

"Bagaimanapun, ayam proses tidak terkesan kerana terletak di bilik berasingan (tidak terdedah)," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Norhizam berkata, pihaknya turut dimaklumkan kilang berkenaan yang juga antara pengeluar protuk berasaskan ayam terbesar negara itu kembali beroperasi semalam, malah tidak menjejaskan bekalan di Melaka dan seluruh negara.

terkejut apabila melihat sudah ramai kakitangan lain berhimpun di kawasan lapangan memandangkan dia antara yang terakhir keluar dari kawasan kilang berkenaan.

"Mulanya, saya dan beberapa pekerja yang mengalami muntah-muntah dibawa ke klinik di Merlimau sebelum dibawa menaiki ambulans ke Hospital Jasin, selain ada yang dibawa ke Hospital Melaka.

"Kira-kira enam jam mendapatkan rawatan keceemasan di Hospital Jasin, saya dibenarkan pulang serta diberikan ubat kumur dan ubat mata," katanya.

Kawasan kilang disahkan selamat

Kawasan kilang pemrosesan ayam di Merlimau di sini, semalam baktar disahkan selamat serta bebas daripada pencemaran gas ammonia.

Berikutan itu, pusat kawalan operasi yang dibuka sejak kelmarin susulan kebocoran gas ammonia di kilang itu ditutup jam 11.30 pagi, semalam.

Timbalan Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Superintendan Raiz Mukhliz Azman Aziz berkata, penutupan pusat operasi itu dibuat selepas Pasukan Khas Bahan Kimia Berbahaya (Hazmat) mengesahkan kawasan kilang selamat daripada pencemaran gas ammonia.

Bellau berkata, pasukan mengambil masa lebih 12 jam bertungkus lumus me-

sini, semalam.

Hadir sama, Komander Operasi Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri, Zulkifli Noridin, Ketua Polis Daerah Jasin, Deputy Superintendan Arshad Abu dan Pegawai Daerah Jasin, Datuk Aris Ali Hasan serta Exco Kesihatan dan Antidodah, negeri Low Chee Leong.

Mengulas lanjut, Raiz Mukhliz berkata, selain kilang, kawasan pemertapan penduduk sekitar turut disahkan selamat daripada pencemaran.

"Hingga tengah hari ini (semalam), ada 16 mangsa yang menerima rawatan lalu 12 di Hospital Melaka serta empat di Hospital Jasin. "Mereka semua stabil," katanya.

101 calon UPSR duduki peperiksaan hari ini

Seramai 101 calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) yang terjejas akibat insiden kebocoran gas ammonia di kilang pemrosesan ayam di Merlimau, kelmarin akan menduduki peperiksaan di sekolah masing-masing hari ini.

Timbalan Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Superintendan Raiz Mukhliz Azman Aziz berkata, seramai 101 calon UPSR dari Seremban (SK) Paya Redan (20), SK Serkam Darat (75) dan enam dari Sekolah Jenis Rendah Serkam (SJKT) Ladang Ser-Darat dan SJKT Ladang Serkam menduduki peperiksaan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Mahkota, Merlimau, manakala enam dari Sekolah Jenis Rendah Serkam ke SK Paya Redan dan Serkam.

"Calon UPSR akan menduduki peperiksaan seperti biasa di sekolah mereka esok (hari ini). "Saya juga menegaskan

sepanjang tempoh kebolehan gas ammonia ini tiada sekolah ditutup. Gu-gu juga datang ke sekolah, bagaimanapun ada juga murid diberikan cuti sempena peperiksaan," katanya.

Semalam, Jabatan Pendidikan negeri mengarahkan calon UPSR dari SK Serkam Darat dan SJKT Ladang Serkam menduduki peperiksaan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Mahkota, Merlimau, manakala enam dari Sekolah Jenis Rendah Serkam ke SK Paya Redan dan Serkam.

"Calon UPSR akan menduduki peperiksaan seperti biasa di sekolah mereka esok (hari ini). "Saya juga menegaskan

200 ayam terdedah pencemaran dilupus

Melaka: Kira-kira 200 ekor ayam turut dilupuskan susulan insiden kebocoran gas ammonia daripada saluran paip di kilang pemprosesan ayam, di Mertimau, di sini, kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Industri Asas Tani negeri, Norhizam Hassan Baktee, berkata beliau dimaklumkan semua ayam terbabat di kilang berkenaan sudah dilupuskan selepas dipercayai terdedah dengan pencemaran gas berkenaan.

Katanya, ia mengakibatkan ratusan ayam mati akibat terdedah kepada gas, ketika kejadian.

"Saya difahamkan pemilik kilang, jumlah ayam berkenaan kurang 200 ekor, iaitu kira-kira satu lori terkesan dengan gas berkenaan. Jadi, ia sudah dilupuskan semalam (kelmarin) dan tidak dijual.

"Ayam proses yang lain tidak terkesan kerana di bilik berasingan (tidak terdedah)," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Norhizam berkata, pihaknya turut dimaklumkan kilang berkenaan yang juga antara pengeluar produk berasaskan ayam terbesar di negara ini sudah mula kembali beroperasi semalam, malah kejadian itu tidak menjejaskan bekalan di Melaka dan seluruh negara.

"Bekalan ayam proses tidak terjejas dan beroperasi seperti biasa, kerana jika tidak (beroperasi) akan memberi kesan buruk kepada pasaran negara," katanya.

Justeru, beliau turut berterima kasih kepada pengurusan kilang kerana melakukan tindakan serta-merta menutup bekalan gas ammonia yang berfungsi menyejukkan beku produk makanan dan melaporkan kepada pihak bertanggungjawab.

 **Saya difahamkan pemilik kilang, jumlah ayam berkenaan kurang 200 ekor, iaitu kira-kira satu lori terkesan dengan gas berkenaan. Jadi, ia sudah dilupuskan semalam (kelmarin) dan tidak dijual.**

Norhizam Hassan Baktee,
Pengerusi Jawatankuasa
Pertanian, Pembangunan
Usahawan, Koperasi dan
Industri Asas Tani Melaka

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/9/2019	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Bertani tingkat pendapatan penduduk P. Redang



sangat sesuai dan subur untuk durian Musang King.

SETIU: Kerajaan Negeri Terengganu akan terus menggalakkan aktiviti pertanian di semua kawasan termasuk Pulau Redang bagi menambahkan lagi sumber ekonomi penduduk di pulau pelancongan ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, aspek pertanian tidak akan dipinggirkan walaupun Pulau Redang merupakan destinasi pelancongan dan perikanan berprestasi tinggi di Malaysia.

"Kita tidak meminggirkan daripada aspek pertanian kerana ada kebun-kebun milik penduduk yang terbiar dan tanah kerajaan yang masih lagi kosong. Kita nampak ada satu peluang yang sangat luas untuk kita memanfaatkan agro pelancongan memandangkan tanah di Pulau Redang

"Kita akan galakan masyarakat untuk terlibat dalam industri pertanian secara kecil-kecilan (dahulu) supaya sekurang-kurangnya kos sara hidup mereka boleh dikurangkan sedikit dengan mereka ada barang-barang keperluan yang boleh dipetik di halaman rumah sendiri," jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media pada Majlis Dialog Bersama Nelayan Pulau Redang di Balai Raya Kampung Pulau Redang, di sini semalam.

Menurut Dr Azman, golongan wanita turut akan diketengahkan dalam kursus-kursus yang berkait dengan industri asas tani seperti pembuatan satar ikan dan industri hiliran berasaskan perikanan.

"Insya-Allah ia akan diambil perjalanan oleh jabatan perikanan untuk mengadakan kursus-kursus jangka pendek bagi memberikan mereka ilmu yang ingin diceburi," tambah beliau.

Mengulas mengenai masalah kemudahan di jeti, isu tanah, bekalan minyak diesel bersubsidi untuk nelayan dan permohonan pembinaan tukon rekreasi khusus untuk masyarakat Pulau Redang, beliau memaklumkan, perkara tersebut akan diberikan perhatian.

"Walaupun bukan semua perkara berada di bawah bidang kuasa kita untuk memberikan jawapan dan solusi, tapi kita tidak akan tinggal semua perkara itu.

"Setiap perkara yang dikemukakan ada jaiannya. Insya-Allah semua isu-isu dikemukakan ini akan diambil perhatian dan ada beberapa perkara yang akan diambil tindakan dalam masa terdekat," katanya lagi